

**Parlimen: Kerajaan Perlu Masa Perhalusi Terma Rujukan RCI Di Sabah
Bernama
12 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Proses menyediakan terma rujukan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menangani masalah berkaitan pendatang asing tanpa izin di Sabah mengambil masa kerana perlu mengambil kira rakyat negeri itu yang tidak mempunyai pengenalan diri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata atas sebab yang sama, kerajaan juga memerlukan lebih masa menamakan panel yang menganggotai suruhanjaya berkenaan.

"Mengambil kira masalah yang ditimbulkan itulah kita ambil masa untuk pastikan terma rujukan dan juga untuk perhalusi mereka yang layak untuk jadi panel," katanya pada sesi soal jawab pada Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) yang meminta terma rujukan suruhanjaya itu benar-benar diperhalusi agar tidak menganiaya rakyat Malaysia di Sabah yang tidak mempunyai identiti pengenalan diri seperti Mykad dan sijil kelahiran.

Menjawab soalan asal Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) mengenai status terkini cadangan penubuhan suruhanjaya siasatan itu, Mohamed Nazri berkata proses penyediaan terma rujukan kini berada di peringkat akhir.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672278>